

Mega

UTUSAN MALAYSIA

MIMBAR



Malaysia KITA
MENEKUN JATI DIRI
DAN PATRIOTISME

ATIKAH ISTIMEWA
BUAT AWI
021

fokus

Oleh HASHIMAN
ABDULLAH
apamail@utusan.com.my

(Yang mengikuti Kembara UKM-
Pondok Bantan, Nakhon Si
Thammarat, selatan Thailand!)

MINORITI YANG DIIKTIRAF

MENJADI warga minoriti di negara bukan Islam tidak bermakna seseorang Muslim itu perlu menyisihkan diri atau berusaha hidup orang lain. Ini selaras dengan hadis Rasulullah SAW: "Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi sesama manusia." *Riwayat Thabrani.*

Ini lah yang menjadi pegangan komuniti Muslim di wilayah Nakhon Si Thammarat, Selatan Thailand. Walaupun penduduk Muslim hanya sekitar

10 peratus daripada 1.6 juta penduduk, perkembangan Islam sentiasa segar.

Buktinya, bukan hanya lebih 100 buah masjid sekitar wilayah itu diiktiraf oleh kerajaan bahkan lebih unik lagi, sebuah pusat pengajian Islam, Pondok Ban Tan, berupaya hidup subur sejak 80 tahun lalu.

Keunikan pondok yang diasaskan oleh bekas Menteri Luar Thailand, Allahyarham Tan Sri Surin Pitsuwan (nama Islam,



MOHD. EKHWAN
TORIMAN

Prof. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman dan disertai lebih 100 warga kerja UKM.

Abdul Halim Ismail itu telah menarik minat sekumpulan warga kerja Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Kunjungan atas nama Kembara UKM Pondok Bantan diketuai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi) UKM,



PANTAUAN... Allahyarham Surin Pitsuwan (dua dari kiri) melayan tetamu luar negara yang melawat Pondok Bantan.



ABDUL MUJEED ISMAIL (dua dari kiri) bertanya sesuatu kepada seorang kanak-kanak yang baru sahaja selesai berkhidmat di kampung Natap dalam daerah Thasala, Nakhon Si Thammarat, baru-baru ini.

Namun bagi Mohd. Ekhwan, maulamat utama kunjungan lima hari bermula 14 Mac lalu itu bukan untuk melihat aspek sistem pengajian dan kemudahan yang ada di pondok tersebut.

Ini kerana, katanya, aspek pembelajaran dan pengajaran serta kejayaan pendidikan pondok berkenaan bukan lagi suatu yang asing.

Tetapi beliau dan delegasi UKM itu ingin menyelami bagaimana ajaran dan nilai Islam dibawa oleh pondok berkenaan diterima pakai oleh rata-rata komuniti Muslim dan tempat keberkatannya turut disasai oleh komuniti bukan Islam.

"Saya tidak fikir sesuatu yang mudah bagi seorang penganut agama Islam mengasahakan pondok pengajian agama dan pada masa sama turut menganggotai Kabinet di negara

Muslim di wilayah berkenaan," katanya.

Program disertai penyarah, doktor perubatan, kakitangan, pelajar dan UKM Bikers itu turut mengadakan aktiviti khidmat sosial seperti gotong royong, pemeriksaan kesihatan kalangan warga emas, berkhidmat beramal-ramai dan forum agama.

Mohd. Ekhwan percaya aktiviti sepanjang program itu antara peluang kepada delegasi UKM melihat sendiri bagaimana ajaran Islam yang dipraktikkan oleh Pondok Bantan selama ini berjaya mewujudkan kehidupan harmonik di wilayah tersebut.

"Apa yang saya boleh lihat adalah kelahutanian tersebut membolehkan kehidupan sosio ekonomi masyarakat di wilayah itu tidak dibatasi oleh sempadan agama atau kepercayaan tertentu," katanya.

Buktinya, bukan hanya lebih 100 buah masjid sekitar wilayah itu diiktiraf oleh kerajaan bahkan lebih unik lagi, sebuah pusat pengajian Islam, Pondok Ban Tan, berupaya hidup subur sejak 80 tahun lalu."

bukan Islam.

"Maknanya, apa dilakukan oleh Surin sekeluarga dan pelajarannya sejak 80 tahun lalu menyebarkan mesej Islam cukup disenangi oleh masyarakat bukan

Bukan sekadar khidmat sosial

SUDAH pasti sesuatu amat mengujakan apabila berpeluang menimba pengalaman melakukan kerja-kerja sukarelawan di negara yang penduduk Muslim adalah minoriti.

Selain pengalaman kerja-kerja sukarelawan, ia turut memberi peluang mereka menelusuri kehidupan masyarakat minoriti di tengah-tengah komuniti bukan Islam.

"Ia bukan bertujuan untuk membenci pemerintah atau penganut agama lain tetapi membedakan kita dalam membantu saudara seagama di negara sedemikian," kata Timbalan Dekan (Hubungan dan Kesedaran Kesihatan) Fakulti Perubatan, Pusat Perubatan UKM Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh.

Beliau mengetuai pasukan perubatan UKM untuk program pemeriksaan kesihatan warga emas dan berkhidmat beramal-ramai kalangan kanak-kanak keluarga asnaf.

Mengulas tentang program bersunat itu, Sharifa Ezat tidak menolak kemungkinan sistem kesihatan di negara bukan Islam tidak begitu memberi keutamaan kepada amalan itu walaupun memiliki rakyat beragama Islam.

Berlaman dengan negara majoriti umat Islam, tambah beliau, kerana ia adalah amalan yang digalakkan oleh Rasulullah

SAW sejak 1,400 tahun lalu.

"Melalui program itu, ia boleh meringankan beban keluarga asnaf dan membolehkan amalan digalakkan oleh Rasulullah SAW itu terus diamalkan oleh generasi anak-anak mereka pada masa depan," katanya.

Begitu juga dengan sesi pemeriksaan kesihatan yang disifatkan beliau sebagai satu

usaha untuk meningkatkan kesedaran dalam penjagaan kesihatan diri.

"Saya teruja dengan jumlah kehadiran warga emas yang mencecah 200 orang ke sesi pemeriksaan itu. Panduan penjagaan kesihatan yang kami berikan boleh diamalkan oleh mereka, ahli keluarga dan jiran tetangga mereka," katanya.



PANTAUAN... Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh (dua dari kiri) bersama beberapa pegawai perubatan di majlis berkhidmat beramal-ramai di kampung Natap dalam daerah Thasala, Nakhon Si Thammarat, baru-baru ini.



PONDOK BANTAN

- Antara institusi pengajian Islam profesional yang terkenal di wilayah Nakhon Si Thammarat, Selatan Thailand.
- Terletak kira-kira 30 minit perjalanan dari pusat bandar Nakhon (ibu negeri Nakhon Si Thammarat).
- Wujud dan kekal bertahan sejak 80 tahun lalu di tengah-tengah komuniti bukan Islam.
- Tidak mendapat bantuan kerajaan tetapi menerima sumbangan daripada pihak luar, antaranya Bank Pembangunan Islam dan dermawan Islam seluruh dunia.
- Kerap dikunjungi oleh ulama atau komuniti Muslim seluruh dunia dan bukan Islam.
- Pondok di kawasan seluas lebih 3.5 hektar itu diasaskan oleh keluarga Allahyarham Tan Sri Surin Pitsuwan.
- Bilangan pelajarannya pada satu-satu masa sekitar 2,000 orang berusia antara enam dan 20 tahun.
- Dilengkapi asrama, masjid, dewan sukan, padang bola, blok pentadbiran, perpustakaan, pusat komputer, koperasi, klinik, serta kediaman (guru, doktor dan jururawat).

Dakwah secara tersirat

KEPENTINGAN pendekatan dakwah sedemikian turut diakui oleh seorang pengurus di Prateepsas Ismail Memorial School (PIMS) di Kampung Natap dalam Daerah Thasala, iaitu 30 minit perjalanan dari pusat bandar Nakhon.

Abdul Muejed Ismail yang juga adik kandung Surin antara tenaga penting dalam pengurusan Pondok Bantan menyifatkan pendekatan tersebut selari dengan konsep *Rahmatan Lil 'Alamin*.

"Kami amalkan konsep tersebut dalam sistem pendidikan di madrasah ini supaya pelajar kami berupaya berikhtisar bukan hanya sesama Muslim tetapi dalam kalangan bukan Islam apabila tamat pengajian.

"Didikan itu turut diterapkan melalui tazkirah mingguan yang bukan hanya untuk murid tetapi juga ibu bapa mereka," katanya.

selepas meninjau perjalanan program sunat beramal-ramai di madrasah itu.

Seramai 55 kanak-kanak daripada keluarga miskin diberikan khidmat bersunat secara percuma oleh sekumpulan doktor Pusat Perubatan Fakulti Perubatan UKM.

Ditambahkan, kos bagi bersunat di wilayah itu dianggarkan antara 800 hingga 1,000 Baht (RM100-RM126) seorang.

Mengulas lanjut, Abdul Muejed memberitahu, konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* itu turut ditonjolkan melalui penglibatan mereka dalam aktiviti sosial sama ada sesama Muslim atau bukan Islam.

"Antaranya semasa banjir besar melanda pada Januari tahun lalu. Sekolah kami menjadi tempat penempatan sementara mangsa banjir dan juga sebagai pusat aghah bantuan kecemasan," katanya.



PONDOK Bantan bukan hanya institusi pengajian agama tetapi menjadi lambang imej Islam sebenar.